

**RESOLUSI PERSIDANGAN MEJA BULAT :  
PERANAN MASYARAKAT MENANGANI JENAYAH RAGUT**

12 Julai 2004  
Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra  
Kuala Lumpur

Pada 23 Mei yang lalu seorang wanita Chin Wai Fun telah diragut di Brickfields menyebabkan beliau cedera parah dan akhirnya meninggal dunia selepas beberapa hari koma. Pada 12 Jun lepas di Johor Bahru, seorang mangsa Chong Fee Cheng, juga koma setelah diragut dan mati dua hari kemudian. Pada hari yang sama seorang lelaki telah dibelasah kerana cuba meragut seorang wanita di Klang. Beliau kemudian koma dan mati pada 15 Jun yang lalu. Pada 29 Jun negara sekali lagi dikejutkan apabila seorang pemandu van, Rosli Mohd Saad, telah meninggal dunia setelah ditikam oleh seorang peragut di Ampang Jaya. Rosli telah cuba membantu seorang wanita Indonesia yang menjerit di tepi jalan yang begnya telah diragut.

Menurut pihak polis pada tahun 2003 sebanyak 15,798 kes ragut telah berlaku di seluruh Malaysia dan bagi tahun 2004 sehingga bulan Jun jumlahnya ialah 6.640 kes. Ini menunjukkan kes-kes ragut bagi tahun 2003 adalah dalam 10% dan keseluruhan kes-kes jenayah (156,315). Walaupun tidak begitu tinggi namun ia cukup untuk membangkitkan rasa gusar di kalangan masyarakat terutama apabila ia melihatkan kecederaan atau kematian. Di atas kesedaran itu juga, Sekretariat Alumni Kelab-kelab UMNO Luar Negara telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan suatu perbincangan atau persidangan meja bulat mengenai jenayah ragut. Ide ini disambut baik oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan akhirnya satu Persidangan telah diadakan pada 12 Julai 2004 di Dewan Tun Dr Ismail, PWTC, Kuala Lumpur.

Persidangan sehari ini telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Institut Sosial Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara, Jabatan Pertahanan Awam, Yayasan Pencegah Jenayah, para akademik, para pelajar, media, pertubuhan wanita, persatuan penduduk dan lain-lain seramai 120 orang. Tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu :

- a) Kedudukan Jenayah Ragut Dalam Sistem Keadilan Jenayah Malaysia :  
Adakah ia mencukupi?  
Pembentang : Dr Mohamad Ismail Hj Yunus, UIAM
- b) Kuasa Tangkap Orang Awam: Suatu Penilaian semula  
Pembentang : Supt Ramli Mat Arshad, PDRM
- c) Kebajikan Mangsa dan Orang Awam Dalam Kes Ragut  
Pembentang : Prof Madya Dr Abdul Halim Sidek, UITM

Selepas pembentangan dan majlis perasmian oleh YB Dato Noh Omar, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, bengkel telah diadakan di mana setiap kertas kerja dibincangkan seperti berikut:

- a) Bengkel 1 : Kedudukan Jenayah Ragut Dalam Sistem Keadilan Jenayah Malaysia :  
Adakah ia mencukupi ?  
Moderator : Prof Madya Mohd Hanafiah Haron, UiTM
- b) Bengkel 2 : Kuasa Tangkap Orang Awam: Suatu Penilaian semula  
Moderator : Prof Dato Dr Ibrahim Bajunid, UNITAR
- c) Bengkel 3 : Kebajikan Mangsa dan Orang Awam Dalam Kes Ragut  
Moderator : Puan Nisah Haron, Peguam

Selepas bengkel, sidangan meja bulat disambung semula di Dewan Tun Dr Ismail di mana semua moderator membentang hasil perbincangan bengkel. Selepas semua pembentangan, peserta memberi komen memurnikan lagi hasil persetujuan bengkel.

Berikut adalah resolusi yang diterima sebulat suara oleh persidangan:

#### 1. Takrif Jenayah Ragut

Jenayah ragut perlu didefinisikan secara spesifik di mana 'degree of force' yang dimaksudkan ditakrif secara jelas. Ini melibatkan penambahan atau pindaan kepada Kanun Keseksaan. Sebarang pindaan atau perubahan undang-undang perlu dibuat secara menyeluruh di mana perkara-perkara berikut hendaklah diambil kira iaitu :

- a) Takrif ragut.
- b) Hukuman - lebih berat dan jenayah curi dan kekerasan (degree of force used) reflected atau dicerminkan dalam hukuman. Hukuman rotan boleh ditimbangkan.
- c) Penggunaan saksi secara minima, misalnya seorang saksi mencukupi. Namun, implikasi terhadap Akta Keterangan perlu dilihat.
- d) Penghukuman terhadap penjenayah tidak bermaksud menghukum keluarga penjenayah.

#### 2. Pelan Perlindungan Saksi

Untuk memastikan masyarakat memainkan peranan yang penting dalam membantu kerajaan menangani jenayah ragut, persidangan sebulat suara mencadangkan supaya Pelan Perlindungan Saksi (Witness Protection Plan) diadakan segera.

#### 3. Skim Pampasan Mangsa Jenayah (Victims of Crime Compensation Scheme)

Persidangan sebulat suara menerima kertas Prof Madya Dr Halim sebagai garis panduan mewujudkan skim tersebut. Skim ini hendaklah diadakan segera sebagai suatu jaminan kepada ahli masyarakat yang peka terhadap kejadian jenayah dan ingin membantu menghalang kejadian jenayah yang berlaku di depan mata. Dalam pada itu persidangan mengambil kira komen berikut:

- a) Jika diadakan tabung atau skim ini, kerenah birokrasi hendaklah diminimakan (tidak mahu seperti tabung penyakit kronik di mana terlalu banyak syarat sehingga terpaksa menanggung pembedahan kerana tidak memenuhi syarat)

- b) Skop bidang tugas badan yang hendak mengendalikan skim ini perlulah jelas.
- c) Ada juga mencadangkan tabung boleh dibuat dengan mengambil sedikit dari cukai pendapatan dan lebihannya melalui derma badan koperat (corporate body as part of their social obligations) Dr Abdul Halim mencadangkan mengutip RM2.00 setiap kepala.
- d) Skim perlindungan termasuklah bantuan kaunseling dan sokongan moral kepada mangsa dan ahli keluarganya.

#### 4. Menambah keanggotaan Polis dan menstruktur semula gaji Polis

Memandangkan masyarakat sedia memberi bantuan dalam kes-kes jenayah, namun masyarakat masih memerlukan perlindungan asas dan pihak yang berkuasa menjaga keselamatan mereka. Oleh kerana jumlah anggota Polis agak rendah jika dibandingkan dengan jumlah penduduk, persidangan mencadangkan nisbah polis dan orang awam mestilah nisbah yang munasabah dan boleh menjamin keselamatan tetapi tidak sehingga menjadikan Malaysia sebuah negara Polis (police state). Untuk menggalakkan penambahan anggota, gaji polis perlu distruktur semula.

#### 5. Pendidikan

Masyarakat memainkan peranan penting dalam menangani jenayah ragut dan ini boleh dilakukan dengan menanamkan semula nilai-nilai murni kepada anak-anak melalui pelajaran. Untuk itu dicadangkan satu perancangan strategi sosial yang lebih berkesan dan menyeluruh bagi tujuan mengembalikan nilai-nilai murni dalam kehidupan kita. Ini boleh dilakukan di sekolah melalui pelajaran tertentu terutama pelajaran agama atau moral serta melalui program kejiranan.

#### 6. Menjalankan penyelidikan mengenai gejala jenayah

Memandangkan jenayah ragut berkait rapat dengan jenayah curi motosikal dan peningkatan jenayah-jenayah lain, satu penyelidikan yang mendalam patut diadakan bagi tujuan mengkaji :

- a) Kenapa orang melakukan jenayah ?
- b) Kenapa ada pengulangan perlakuan jenayah ?
- c) Adakah hukuman tidak sesuai atau tidak berkesan ?
- d) Kenapa penjenayah tidak insaf ?
- e) Apa yang menjadi penggalak kepada perlakuan jenayah.?
- f) Kaitan jenayah dengan penagihan dadah.

#### 7. Mengelak dari mempermangsakan mangsa.

Persidangan bersetuju bahawa sebarang tindakan terhadap jenayah mestilah tidak mempermangsa mangsa seperti mempersalahkan mangsa, melarang wanita membawa tas tangan atau mengaitkannya dengan aktiviti mangsa. Sepatutnya undang-undang mestilah menumpukan kepada penghukuman dan pembaikpulihan penjenayah supaya ia kembali normal seperti ahli masyarakat yang lain dan bukan menyekat ahli masyarakat dari menjalani hidup normal demi untuk mengelakkan diri dari diragut atau dirogol dan sebagainya. Mempermangsakan mangsa adalah sesuatu yang tidak adil kerana bukan sahaja dia menjadi mangsa jenayah tetapi menjadi mangsa tomanan dan ejekan. Dalam kes ragut, mangsa biasanya kehilangan kad pengenalan dan lain- lain dokumen yang ada di dalam tas tangan. Mangsa hendaklah tidak didenda jika hendak mendapatkan kad pengenalan baru atau apa-apa dokumen lain.

8. Penggunaan Ordinan Darurat bagi kes jenayah

Persidangan berbelah bagi dalam isu ni. Ada peserta yang bersetuju dan ada juga yang tidak. Akhirnya mencadangkan satu tinjauan dibuat tentang kesesuaian penggunaan Ordinan Darurat terhadap kes-kes jenayah.

9. Kempen Keselamatan

Bersetuju supaya lebih banyak program diadakan bagi tujuan memberi kesedaran keselamatan kepada masyarakat. Menggalakkan kempen keselamatan harta di mana di banyak tempat, penduduk membayar sendiri pengawal keselamatan untuk meningkatkan harga harta mereka. Rukun tetanga dan persatuan penduduk perlu digembeling dalam usaha masyarakat menangani gejala jenayah.

Persidangan tamat pada jam 5.30 petang.

12 Julai 2004

Disediakan oleh:

Pengerusi Jawatankuasa

Persidangan Meja Bulat : Peranan Masyarakat Menangani Jenayah Ragut.